

ABSTRAK

Pembangunan adalah merupakan sebahagian daripada proses perubahan keseluruhan kehidupan manusia sama ada di dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Pembangunan Sosial dijalankan untuk memperbaiki keadaan dan kesejahteraan manusia dari berbagai aspek di dalam kehidupan yang dilaluinya. Ia juga bertujuan untuk memenuhi keperluan asas kehidupan seperti perkhidmatan perumahan, kesihatan, pendidikan, saliran, bekalan air, keselamatan, kebajikan dan aspek sosial yang lain. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji berkaitan perumahan, pendidikan dan kesihatan. Penilaian akan dibuat mengenai elemen-elemen berkaitan rumah kediaman dan kesejahteraan rumah tersebut di samping turut memberikan perhatian kepada faktor-faktor lain seperti kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan. Kajian ini penting untuk memahami keadaan sebenar tentang kesejahteraan para penghuni rumah kos rendah dan membantu para penggubal dasar merancang program-program tersebut pada masa akan datang. Bagi tujuan tersebut, sebanyak 150 responden dari sepuluh kawasan perumahan awam kos rendah di Seberang Perai Tengah telah dipilih untuk dijalankan kajian. Responden yang terbabit adalah dari kalangan ketua isirumah sama ada suami atau isteri atau ketua rumah bagi penghuni bujang. Responden dari kalangan berbilang jantina, bangsa dan lapisan umur telah dikajiselidik dan ditemuramah.